

# Kurung

# diri

METRO 28/1

## Bimbang tindakan mangsa banjir

>>Laporan dan foto AHMAD OTHMAN

**K**OTA TINGGI: Kakitangan dan pekerja sukarela Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah ini terpaksa mengurung diri di pejabat mereka apabila segelintir mangsa banjir yang tidak berpuas hati menghambur kata-kata kesat kerana menunggu terlalu lama di luar pejabat JKM untuk berurusan.


Tinjauan Metro Ahad mendapati, kira-kira 600 mangsa banjir, kebanyakan mereka berdiri kerana kekurangan kerusi, bersesak di luar pejabat JKM di Aras 3, Bangunan Sultan Iskandar, di sini, sedangkan kebanyakan mereka belum ada kupon.

Seorang mangsa banjir yang enggan dikenali berkata, dia menunggu dari jam 8 pagi bagi mendapatkan wang ehsan dan kupon makanan di pejabat JKM daerah. Difahamkan, disebabkan semalam cuti hujung minggu, pendingin hawa tidak dihidupkan, menyebabkan keadaan tidak selesai.

Bagaimanapun, kekecohan itu diredakan sepasukan polis diketuai Timbalan Ketua Polis Kota Tinggi, Deputy Superintendan Muhammad Shamsuddin.

Jurucakap JKM berkata, kehadiran orang ramai disebabkan khabar angin mengatakan JKM akan membayar wang ehsan dan mengedgar beberapa bantuan lain.

Katanya, JKM memang



**TUNGGU BANTUAN...** mangsa banjir menunggu di luar pejabat JKM di Aras 3, Bangunan Sultan Iskandar, Kota Tinggi untuk mengambil kupon bekalan makanan.

bercadang mengedgar kupon makanan kepada mangsa banjir dengan memberi nombor giliran, mendaftar bagi semakan senarai mangsa banjir sebelum kupon diserahkan.

“Kupon itu membolehkan mangsa banjir menerima pelbagai makanan termasuk beras, sardin, susu, gula, mi, minyak masak, garam, mop, pe-

nyapu dan baldi apabila ditebus di pusat penyimpanan sementara di Dewan Serbaguna Taman Koguna, Kampung Makam, di sini,” katanya.

Beliau berkata, sepatutnya 400 angka giliran diserahkan sehari, namun disebabkan kakitangan terhad, hanya mereka yang mendapat angka giliran 001 hingga 200

dapat diproseskan urusan semakan dan penyerahan kupon semalam, manakala 200 lagi diminta datang pada hari ini.

Selepas kehadiran polis dan penerangan dapat dilakukan, baru keadaan kembali reda dengan hanya 200 mangsa banjir menunggu untuk proses semakan dan serahan kupon.